

23 Ogos 2024

INTEGRITI & KEUNGKULAN PERIBADI

Sharing Session

Mohd Khanapi Abd Ghani
Ketua Pegawai Digital, UTeM



Definisi INTEGRITI

Integriti merujuk kepada sifat berpegang teguh pada prinsip moral dan etika yang tinggi

Definisi KEUNGGULAN PERIBADI

Keunggulan peribadi ialah usaha seseorang untuk mencapai potensi tertinggi dalam setiap aspek kehidupan






Ciri-Ciri Individu Berintegriti

- Jujur dalam setiap tindakan.
- Bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan.
- Konsisten dalam prinsip dan nilai yang dipegang.
- Menghormati hak dan pandangan orang lain.

PERIBADI UNGGUL



Ciri-cirinya

- Sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan.
- Berani menghadapi cabaran dan belajar dari kesilapan.
- Mempunyai motivasi diri yang kuat.
- Mempunyai visi dan matlamat yang jelas.

BUDAYA INTEGRITI PENJAWAT AWAM



Dalam Kehidupan Sehari-hari

- Mewujudkan kepercayaan dalam hubungan.
- Meningkatkan kredibiliti dan reputasi.

Dalam Kerjaya

- Memastikan ketelusan dan kejujuran dalam bekerja.
- Membantu dalam membuat keputusan yang betul.

INTEGRITI DALAM PROFESION AKADEMIK / PERKHIDMATAN



- Integriti dalam profesion akademik/perkhidmatan merujuk kepada pematuhan terhadap standard etika dan moral yang tinggi dalam semua aspek aktiviti akademik, termasuk pengajaran, penyelidikan, penerbitan, dan interaksi dengan pelajar serta rakan sekerja.
- Ia melibatkan sikap jujur, adil, dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas profesional

Sistem Nilai, Etika dan Integriti



A. Hubungan Nilai dengan Budaya:

- Nilai itu merujuk kepada prinsip-prinsip atau standard moral yang menjadi panduan dalam tingkah laku individu atau masyarakat. Nilai adalah kepercayaan mendalam tentang apa yang dianggap penting, betul, atau wajar dalam kehidupan seseorang atau dalam satu-satu komuniti.
- Budaya merujuk kepada cara hidup, adat resam, kepercayaan, nilai, norma, dan amalan yang dikongsi oleh sekumpulan orang dalam satu masyarakat atau komuniti. Budaya merangkumi pelbagai aspek kehidupan, termasuk bahasa, makanan, pakaian, seni, muzik, ritual, dan cara berfikir. Budaya dibentuk dan berkembang melalui interaksi sosial dan diwariskan dari satu generasi ke generasi yang lain, membantu menghubungkan individu dengan masyarakat mereka

Sistem Nilai, Etika dan Integriti

B. Pembudayaan nilai, etika, dan integriti

- Merujuk kepada proses di mana nilai-nilai moral, prinsip etika, dan amalan integriti diterapkan, disebarluaskan, dan dihayati oleh individu dan masyarakat secara menyeluruh. Ini melibatkan usaha sistematik untuk menjadikan nilai-nilai ini sebahagian daripada budaya harian dalam kehidupan peribadi, profesional, dan sosial.
- Pembudayaan melibatkan beberapa usaha/langkah utama seperti
 - Pendidikan & kesedaran – melalui pendidikan formal/tidak formal e.g. sekolah
 - Teladan & kepimpinan – kepimpinan melalui tauladan.
 - Dasar & prosedur – perlu diwujudkan utk menyokong aktiviti pembudayaan NEI
 - Penghargaan & pengiktirafan – kepada individu/organisasi yg beramalan integriti.
 - Pemantauan & penguatkuasaan – sistem & undang – undang yang berkesan utk memastikan NEI dipegang teguh.



C. Pengukuhan nilai, etika & integriti

- Pengukuhan NEI merujuk kepada usaha berterusan untuk memperkuat, mengekalkan, dan memperdalam pemahaman serta penghayatan terhadap nilai-nilai moral, prinsip etika, dan amalan integriti dalam individu, organisasi, dan masyarakat. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa prinsip-prinsip ini tidak hanya difahami, tetapi juga diterapkan secara konsisten dalam kehidupan seharian dan dalam setiap tindakan yang diambil.
- Kepentingan Pengukuhan NEI
- Meningkatkan kepercayaan – individu, organisasi & institusi dihormati & dipercayai.
- Mengurangkan risiko salah laku - menghindari penipuan, rasuah dan salah guna kuasa di kalangan individu, organisasi/institusi.
- Memastikan kelestarian & keberkesanan – menghasilkan organisasi yg lebih berdaya tahan dalam jangka masa panjang (sustainability).

Sistem Nilai, Etika dan Integriti



SISTEM NILAI, ETIKA DAN INTEGRITI



Pelan Integriti Nasional (PIN)

ETIKA KERJA (1)



- Etika akademik merujuk kepada prinsip-prinsip moral yang mengawal kelakuan pelajar, pensyarah, penyelidik, dan staf dalam konteks pendidikan dan penyelidikan. Etika ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua aktiviti akademik dijalankan dengan kejujuran, keadilan, dan tanggungjawab
- Etika profesional merujuk kepada kod tingkah laku yang mengawal tindakan dan keputusan individu dalam kerjaya atau profesion mereka. Etika ini bertujuan untuk memastikan bahawa profesional menjalankan tugas mereka dengan integriti, tanggungjawab, dan kesedaran terhadap kepentingan awam.

ETIKA KERJA (2)



ETIKA KERJA (3)

Nilai-nilai Utama Dalam Perkhidmatan Awam 1991



```
graph LR; A((Nilai-nilai Utama Dalam Perkhidmatan Awam 1991)) --- B1(1 Kesetiaan kepada Raja & Negara); A --- B2(2 Kecekapan); A --- B3(3 Dedikasi); A --- B4(4 Amanah); A --- B5(5 Integriti); A --- B6(6 Bertanggungjawab); A --- B7(7 Keadilan);
```

1

**Kesetiaan kepada
Raja & Negara**

- Penghormatan kepada Perlembagaan Malaysia dan undang-undang negara.

2

Kecekapan

- Melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan utk memberi perkhidmatan berkualiti

3

Dedikasi

- Komitmen dan kesungguhan dalam melaksanakan tugas

4

Amanah

- Jujur telus, dan bertanggungjawab

5

Integriti

- Integriti yg tinggi, memegang prinsip moral dan etika dlm semua tindakan mereka

6

Bertanggungjawab

- Terhadap tugas yang diberikan & bersedia untuk menerima akibat drp sebarang keputusan atau tindakan yang diambil

7

Keadilan

- Adil dalam semua urusan, tanpa diskriminasi atau pilih kasih



ISU-ISU DAN KAJIAN KES ETIKA DAN MORAL DALAM SEKTOR AWAM

PENYALAHGUNAAN PERUNTUKAN KEWANGAN:

- Menggunakan peruntukan kewangan kerajaan untuk tujuan yang tidak diluluskan atau tidak selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Ini boleh termasuk perbelanjaan untuk barangan atau perkhidmatan yang tidak dibenarkan.

KEGAGALAN MEMATUHI PROSEDUR KEWANGAN:

- Tidak mengikuti prosedur kewangan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan, seperti kegagalan mendapatkan kelulusan yang sewajarnya sebelum membuat perbelanjaan, atau tidak menyimpan rekod yang lengkap dan tepat mengenai perbelanjaan.

PELAPORAN KEWANGAN YANG TIDAK TEPAT ATAU TIDAK LENGKAP:

- Mengemukakan laporan kewangan yang tidak tepat, mengandungi kesilapan, atau sengaja tidak melaporkan perbelanjaan tertentu. Ini termasuk kegagalan untuk mengemukakan laporan kewangan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

KONFLIK KEPENTINGAN:

- Membuat keputusan perbelanjaan atau pengurusan kewangan yang mementingkan diri sendiri, keluarga, atau rakan-rakan, yang menyebabkan berlaku konflik kepentingan dengan tugas sebagai penjawat awam.

KELEWATAN ATAU KEGAGALAN MEMBUAT BAYARAN:

- Kegagalan untuk membuat bayaran kepada pembekal atau kontraktor dalam tempoh masa yang ditetapkan, yang boleh menyebabkan kos tambahan seperti denda atau faedah dikenakan kepada kerajaan.

RASUAH ATAU SALAH GUNA KUASA:

- Terlibat dalam amalan rasuah, seperti menerima sogokan untuk meluluskan perbelanjaan atau kontrak yang tidak wajar, atau menggunakan kedudukan untuk kepentingan peribadi dalam urusan kewangan kerajaan.

Kesalahan Yang Berkaitan Dengan AP59

Gangguan Seksual



Skandal Pejabat



Terima Habuan/ Rasuah



4 penjawat awam antara 8 ditahan SPRM kes rasuah sindiket penyeludupan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Mac 12, 2024 @ 5:31pm
bhnews@bh.com.my



Keberhutangan Tegar



Potongan < 61%

Ketua jabatan kena kawal pinjaman penjawat awam

Oleh Suzalina Halid - Januari 4, 2024 @ 12:32pm

suzalina@bh.com.my



Penjawat awam kawal belanja, elak hutang baharu – Cuepacs

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

[Follow](#)

02 Mei 2024 02:36pm

Masa membaca: 2 minit

Penilaian Yg Tidak Telus



RUMUSAN

- Berintegriti membawa kemakmuran dan kesejahteraan.
- Beretika mencerna nilai murni dan kegemilangan.
- Berintegriti dan beretika membangun keunggulan individu, masyarakat dan negara.





TERIMA KASIH
Sharing Session